

Sasar tingkat pengeluaran nanas

Bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran tempatan dan eksport

Oleh NIK AMIRULMU'IN
NIK MIN

ROMPIN

Kerajaan menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran hasil nanas negara terutama jenis MD2 bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran tempatan dan eksport.

Pengerusi Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, bagi mencapai matlamat itu, LPNM merancang untuk meningkatkan keluasan kawasan ladang nanas negara daripada 16,000 hektar ketika ini kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Ma-

laysia Ke-12 (RMK12).

Setakat ini menurutnya, kawasan penanaman nanas MD2 hanya 15 peratus berbanding keluasan ladang nanas sedia ada dan dijangkakan jumlah itu akan ditingkatkan sekurang-kurangnya kepada 50 peratus pada masa akan datang. "LPNM juga merancang untuk meluaskan penanaman nanas MD2 ke Sabah.

"Secara keseluruhannya, pengeluaran nanas negara sebanyak 400,000 metrik tan dengan nilai lebih RM500 juta setahun belum mampu untuk menampung permintaan pasaran ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP) di Kampung Taman, Kuala Rompin di sini pada Selasa. Pada majlis itu, Dr Sahrudin turut menyampaikan Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Pribati Pengusaha Nanas kepada pihak Rompin Integrated Pineapple Industries



Dr Sahrudin (tiga dari kanan) dibawa meninjau kawasan ladang nanas MD2 sempena lawatan kerja beliau ke RIPP, Kampung Taman Kuala Rompin, Rompin pada Selasa.

Sdn Bhd (RIPi) yang diwakili Pengurus Besarnya, Mohd Hiswandi Arts.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh dan Pengurus Besar Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Mohd Mazlan Sharudin.

Dr Sahrudin berkata, LPNM amat mengalu-alukan agar lebih banyak pemain industri meneroka potensi tanaman nanas MD2 bagi membantu meningkatkan pengeluaran nanas negara.

Pacu ekonomi

Menurut Dr Sahrudin, RIPP mula dibangunkan bermula Oktober 2010 secara berperingkat dan ladang tersebut antara pemain industri nanas negara.

Malah katanya, hasil keluaran di kilang itu bukan hanya untuk pasaran tempatan malah bagi dieksport ke beberapa negara termasuk ke Timur Tengah, China dan Jepun.

"Secara keseluruhannya, RIPP mempunyai keluasan 575.24 hektar dan projek ini melibatkan tiga komponen utama iaitu syarikat induk, RIPi, Koperasi Orang Asli dan Usahawan Kontrak.

"Kompleks RIPP dan infrastruktur ladang dibangunkan di bawah ECERDC dengan kos RM50 juta manakala kos pelaburan swasta kira-kira



Dr Sahrudin (dua dari kiri) menerima Buku Manual Keselamatan Ladang Nanas yang disediakan pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP).

RM180 juta," jelasnya.

Tambah beliau, RIPP dibangunkan bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi serta membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat terutama orang asli.

"Ia juga sebagai usaha meningkatkan pengeluaran nanas premium MD2 bagi keperluan eksport selain mewujudkan peluang keusahawanan melalui pemasaran yang efisien antara syarikat induk dan usahawan kontrak.

"Pada masa sama, ia juga sebagai platform untuk menarik pelaburan swasta dalam pengeluaran nanas berskala besar di negara ini," katanya.

Menurut Dr Sahrudin, sebanyak 5,000 pekerjaan, pengusaha dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri nanas

negara akan menerima manfaat Insentif PRE Pribati Pengusaha Nanas 2020-2021.

Pulangan yang baik

Sementara itu, Mohd Hiswandi berkata, syarikatnya merebut peluang untuk meningkatkan pengeluaran nanas MD2 bagi memenuhi permintaan terutama bagi pasaran eksport yang begitu tinggi.

Katanya, tanaman nanas mempunyai potensi yang cerah untuk menjadi buah utama seperti durian musang king yang mendapat permintaan tinggi.

"Dengan bantuan pihak kerajaan khususnya LPNM, nanas mampu pergi lebih jauh dan memberi pulangan amat baik kerana pengeluarannya 'sepajang tahun dan tidak bermusim,'" ujar beliau.



Dr Sahrudin (empat dari kanan) melihat operasi kilang pembungkusan nanas milik RIPP.



Dr Sahrudin (tengah) meninjau operasi kilang pembungkusan nanas milik RIPP.